

Tarikh Dibaca: 28 November 2025M | 07 Jumadal Akhirah 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MUSIBAH: MENGHAPUS DOSA,
MENGANGKAT DARJAT”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“MUSIBAH: MENGHAPUS DOSA, MENGANGKAT DARJAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّن قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ.¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan
meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua
diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Hadid: 22.

² Ali-Imran: 102.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**MUSIBAH: MENGHAPUS DOSA, MENGANGKAT DARJAT**”.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Dalam perjalanan hidup kita sehari-hari, siapakah antara kita yang tidak pernah diuji? Pasti ada dalam kalangan kita yang pernah kehilangan insan tersayang, kerosakan harta benda, mengalami kesempitan hidup, kesakitan dan tekanan perasaan. Dan pada minggu ini, ramai dalam kalangan kita yang bergelut dengan musibah banjir. Ada yang rumahnya ditenggelami air, ada yang harta bendanya rosak sehingga terpaksa berpindah sehelai sepinggang ke kawasan yang selamat.

Ketahuiilah, Allah SWT tidak pernah membiarkan kita tenggelam dalam musibah dengan sia-sia. Apa sahaja yang menimpa seorang mukmin, walaupun sekecil sakitnya duri, semuanya dicatat sebagai pahala apabila seseorang itu bersabar dan reda. Sudah tentu di sebalik semua musibah yang berlaku, terselit hikmah yang hanya diketahui oleh Allah SWT.

Allah SWT mengingatkan kita dalam surah al-Hadid ayat 22 yang telah dibacakan di awal khutbah yang bermaksud:

“Setiap bencana yang menimpa di bumi dan yang menimpa dirimu sendiri, semuanya telah tertulis dalam kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami mewujudkannya. Sesungguhnya yang demikian itu mudah bagi Allah.”

Mari kita perhatikan bagaimana Allah SWT menyebut dua bentuk musibah sekaligus iaitu musibah yang menimpa bumi dan musibah yang menimpa diri sendiri. Kedua-duanya sudah berada dalam pengetahuan Allah SWT. Dan kedua-duanya mengandungi hikmah yang mungkin belum kita lihat hari ini. Justeru, apabila suatu musibah menimpa, Islam mengajar kita

untuk tidak berputus asa, tetapi untuk kembali kepada Allah SWT, memohon kekuatan, di samping menghulurkan bantuan kepada mereka yang sedang diuji.

Allah SWT mahu melihat kesabaran kita, usaha kita, dan bagaimana kita menyerahkan urusan itu kembali kepada-Nya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 156:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ .

"(Iaitu) orang yang apabila ditimpa musibah, mereka berkata: "Sesungguhnya kami kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

Sesungguhnya lafaz yang terkandung dalam ayat ini mengajar kita bahawa segala yang kita miliki hanyalah pinjaman. Jika Allah SWT mengambilnya semula, itu bermakna Allah SWT sedang menyediakan sesuatu untuk menguatkan jiwa dan menebus dosa kita.

Hadirin Jumaat yang berbahagia,

Ingatlah, apabila Allah SWT mengasihi seorang hamba, Dia tidak membiarkannya berjalan di muka bumi dengan memikul dosa yang tidak terampun. Sebaliknya Allah SWT membersihkan dan mengangkat darjatnya melalui ujian dan musibah yang menyimpannya.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا
أَذًى وَلَا غَمٍّ، حَتَّى الشَّوْكَةِ يُشَاكُهَا إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ
خَطَايَاهُ.

"Tiada suatu keletihan, tidak pula penyakit, tidak juga kegusaran, kesedihan, kesakitan, atau kesusahan yang menimpa seorang Muslim, sehinggakan duri yang mencucuknya sekalipun, melainkan Allah akan menghapuskan sebahagian daripada kesalahan-kesalahannya dengan sebab itu."

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin Jumaat yang dirahmati,

Walaupun kita tahu bahawa musibah membawa hikmah, tetapi ramai antara kita yang merasa berat apabila diuji. Namun ketahuilah bahawa ujian itu sendiri adalah tanda perhatian Allah SWT.

Hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِعَبْدِهِ الْخَيْرَ عَجَّلَ لَهُ الْعُقُوبَةَ فِي الدُّنْيَا، وَإِذَا
أَرَادَ اللَّهُ بِعَبْدِهِ الشَّرَّ أَمْسَكَ عَنْهُ بِذَنْبِهِ، حَتَّى يُوَافِيَ بِهِ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ

"Apabila Allah menginginkan kebaikan kepada hamba-Nya, Allah akan segerakan hukuman untuknya di dunia. Dan apabila Allah menginginkan

keburukan kepada hamba-Nya, Allah akan menahan azab baginya (akibat dosanya) di dunia, hingga Allah membalasnya (dengan sempurna) pada hari kiamat ”.

(Riwayat al-Tirmizi).

Hadis ini mengingatkan bahawa setiap musibah yang menimpa kita bukanlah sia-sia. Kesusahan, kepenatan, tekanan emosi dan kerugian yang dialami menjadi sebab Allah SWT menghapuskan dosa-dosa, meninggikan darjat dan mendekatkan hamba kepada-Nya. Musibah yang berat di mata manusia sebenarnya membawa rahmat yang besar di sisi Allah SWT bagi mereka yang bersabar dan terus bergantung harap kepada-Nya.

Maka, marilah kita bersabar dan reda apabila diuji. Yakinilah bahawa musibah tersebut datang sebagai penghapus dosa dan cara Allah SWT mendekatkan kita kepada-Nya. Janganlah kita merungut, mengeluh atau menuding jari mencari salah manusia lain. Lebih-lebih lagi usahlah kita memfitnah takdir Allah SWT dengan mendakwa bahawa sesuatu bencana itu merupakan hukuman khusus kepada mana-mana pihak.

Tindakan sedemikian hanya merosakkan akhlak dan menjejaskan kehormatan diri kita sendiri. Sepatutnya seorang mukmin yang matang akan melihat musibah sebagai jalan untuk kembali dan bermuhasabah, bukan alasan untuk mencela atau mencari salah. Justeru, marilah kita memohon agar Allah SWT mengurniakan kekuatan kepada kita untuk menerima setiap takdir-Nya dengan hati yang bersih, jiwa yang tenang dan penuh kesabaran.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekali,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran untuk dijadikan pedoman kehidupan kita:

1. Kita hendaklah meyakini bahawa setiap musibah adalah ketetapan Allah SWT yang penuh dengan hikmah. Sesungguhnya, ujian yang menimpa sama ada kesedihan, kerugian atau bencana bukanlah sia-sia. Seorang mukmin perlu melihatnya sebagai ruang untuk kembali kepada Allah SWT, memperkukuh iman dan memperbaiki diri.

2. Kita hendaklah menyedari bahawa musibah mampu menghapus dosa dan mengangkat darjat seseorang. Apa jua yang dirasai oleh seorang Muslim, walaupun sekecil tusukan duri, menjadi sebab Allah SWT menghapuskan dosa dan meninggikan martabatnya. Kesabaran dan reda adalah kunci untuk meraih ganjaran ini.

3. Kita hendaklah menjaga akhlak ketika ditimpa musibah. Sesungguhnya, musibah bukan alasan untuk menuding jari atau mencela orang lain. Seorang mukmin dituntut untuk sentiasa memelihara adab, menjaga lisan dan menjadikan ujian sebagai peluang memperbaiki serta mendekatkan diri kepada Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالْثَّمَرَاتِ ۖ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ .

"Dan sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh), (dengan merasai) kelaparan, (dengan berlakunya) kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang yang sabar."

(Surah al-Baqarah: 155).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلاَةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلاَحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁶ Al-Nahl: 90.